

Mesir dan Hubungan Awal dengan Masyarakat Melayu

Abu Hanifah Haris¹ and Mohammad Redzuan Othman²

^{1,2}Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

* Corresponding e-mail: abuhanifah@um.edu.my

Abstrak

Mesir merupakan sebuah negara yang dekat dengan masyarakat Melayu, khususnya sejak mereka memeluk Islam. Sejak itu, masyarakat Melayu mula mengenali Mesir sebagai bumi para nabi seperti Nabi Yusuf, Nabi Musa dan Nabi Harun, selain kisah pemerintah yang zalim seperti firaun dan hartawan yang tamak yang berlaku di Mesir sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran. Malah Hikayat Hang Tuah menggambarkan bahawa rombongan Hang Tuah dipercayai pernah singgah di Mesir selama tiga bulan sebagai tetamu pemimpin Mesir. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sekunder. Kajian menunjukkan bahawa Mesir mempunyai hubungan awal dengan masyarakat Melayu dalam aspek politik, perdagangan dan pendidikan. Dalam aspek politik, hubungan awal dengan Mesir dapat dilihat pada tindakan pemimpin Alam Melayu yang menggunakan gelaran pemimpin Dinasti Mamluk di Mesir iaitu 'Malik' setelah memeluk Islam. Dalam aspek perdagangan, hubungan awal dengan Mesir dapat dilihat melalui hubungan perdagangan dengan Mesir ketika pemerintahan Dinasti Ayyubiyah dan Dinasti Mamluk. Dalam aspek pendidikan, hubungan awal dengan Mesir dapat dilihat melalui kedatangan ulama Mesir ke Alam Melayu, khususnya Aceh yang menjadi pusat kegiatan intelektual Islam di Alam Melayu sejak abad ke-16. Menjelang akhir abad ke-19, Mesir mula menjadi destinasi pelajar Melayu untuk menyambung pengajian setelah menamatkan pengajian di Makkah.

Abstract: *Egypt has a close connection with the Malay World, especially since they embraced Islam. The Malays began to know Egypt as the land of prophets such as Prophets Yusuf, Musa and Harun, and from stories found in the Quran about Pharaoh, an oppressive leader and Qarun, a wealthy merchant. According to Hikayat Hang Tuah, Hang Tuah and his friends were believed to have stayed in Egypt for three months as a guest of an Egyptian leader. This study explores the connection between Egypt and the Malay World using library research method to analyze a variety of primary and secondary sources. The findings show that initial contacts with the Egyptians were through politics, trade and education. In the political aspect, initial contact with Egypt can be seen when a Malay leader used the title 'Malik' after converting to Islam which is similar to that of a leader in the Mamluk Dynasty in Egypt. Initial trade contacts with Egypt can be seen through trade relations during the reign of the Ayyubiyah and Mamluk Dynasties. On the educational aspect, initial contact with Egypt was through the arrival of Egyptian ulamaks to the Malay World, especially in Aceh which became the center of Muslim intellectual activities since the 16th century. By the late 19th century, Egypt became the destination of the Malay students to further their studies after graduating from Makkah.*

Kata kunci: Mesir, Melayu, Universiti al-Azhar.

1.0 PENGENALAN

Peristiwa pengislaman masyarakat Melayu merupakan satu episod yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu kerana bukan sahaja mengubah keseluruhan aspek kehidupan masyarakat Melayu, tetapi juga mendedahkan masyarakat Melayu kepada Timur Tengah kerana Islam yang dianuti oleh masyarakat Melayu lahir di Timur Tengah. Pada pandangan masyarakat Melayu, Islam secara umumnya dikaitkan dengan orang Arab dan begitulah sebaliknya. Hubungan ini kemudiannya mewujudkan satu ikatan yang erat antara Timur Tengah dengan masyarakat Melayu kerana disatukan oleh agama Islam.

Salah sebuah negara di Timur Tengah yang mempunyai hubungan erat dengan masyarakat Melayu ialah Mesir. Walau bagaimanapun, agak sukar untuk menentukan bilakah bermula hubungan antara Mesir dengan masyarakat Melayu. Sebuah karya sastera Melayu iaitu *Hikayat Hang Tuah* pernah menggambarkan hubungan antara Mesir dengan Tanah Melayu telah terjalin sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Bagi masyarakat Melayu, Mesir penting dalam sejarah perkembangan Islam kerana al-Quran banyak memaparkan kisah para nabi seperti Nabi Yusuf, Nabi Musa dan Nabi Harun yang berlaku di Mesir. Selain itu, al-Quran juga turut memaparkan kisah pemerintah yang zalim seperti firaun, dan hartawan yang tamak seperti Qarun yang berlaku pada zaman Nabi Musa sebagai pengajaran bagi umat Islam.

Mesir hanya menjadi terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai pusat pengajian ilmu agama yang terkenal pada akhir abad ke-19. Kedudukan Universiti al-Azhar di Kaherah sebagai pusat pembelajaran ilmu agama yang terkenal di seluruh dunia Islam telah menarik kedatangan ramai pelajar Melayu untuk menyambung pengajian di Kaherah pada awal abad ke-20, khususnya pada tahun 1920-an. Tambahan pula, ramai pelajar Melayu yang sudah menamatkan pengajian di Makkah juga lazimnya menyambung pengajian di Kaherah khususnya di Universiti al-Azhar bagi mengukuhkan lagi penguasaan ilmu agama. Secara umumnya, hubungan awal Mesir dengan masyarakat Melayu dapat dilihat dalam aspek politik, perdagangan dan pendidikan.

2.0 HUBUNGAN DALAM ASPEK POLITIK

Sebagai sebuah negara yang mempunyai sejarah yang panjang, kerajaan Mesir juga pernah menjalin hubungan dengan kerajaan di Alam Melayu. Hubungan diplomatik antara Mesir dengan Alam Melayu bermula sejak masyarakat Melayu memeluk Islam. Hubungan tersebut dapat dilihat melalui usaha yang dijalankan oleh pemerintah Dinasti Mamluk untuk menyebarkan pengaruh mereka di Alam Melayu sejak abad ke-13 Masihi. Malah penyebaran Islam di Alam Melayu juga dikaitkan dengan peranan Dinasti Mamluk di Mesir dan pendakwah dari Makkah yang berjaya mengislamkan pemerintah Pasai, Merah Silu atau Sultan Malik al-Salih yang sering dianggap sebagai pemerintah pertama di Alam Melayu yang telah memeluk agama Islam.¹

Kedatangan aliran Sunnah menggantikan Syiah di Alam Melayu dikaitkan dengan peranan yang dimainkan oleh Sheikh Ismail dari Makkah.² Ketika itu, Makkah dikuasai oleh Dinasti Mamluk di Mesir, manakala kedatangan utusan Sheikh Ismail pula atas arahan Sharif Makkah bagi mengislamkan Merah Silu. Selepas memeluk Islam, Merah Silu menukar namanya kepada Malik al-Salih.³ Pemilihan nama Malik al-Salih sebagai nama baru Merah Silu juga dikaitkan dengan gelaran pemerintah Dinasti Mamluk di Mesir yang terkenal di Timur Tengah.⁴ Bahkan

gelaran putera Malik al-Salih yang mewarisi takhta pemerintahan kerajaan Pasai iaitu Malik al-Zahir (1269-1277) dan Malik al-Mansur (1279-1290) juga mempunyai pengaruh Dinasti Mamluk.⁵ Hal ini menunjukkan pengaruh Dinasti Mamluk di Mesir yang dianggap sebuah kerajaan Islam yang hebat dan kuat di mata pemerintah Islam di Sumatera, sekali gus mendorong pemerintah Pasai menggunakan gelaran “Malik” di awal nama mereka.

Hubungan politik antara Mesir dengan masyarakat Melayu juga terjalin ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka (1400-1511) lagi. Hang Tuah dan rombongannya digambarkan pernah singgah di Mesir.⁶ Dalam *Hikayat Hang Tuah*, Hang Tuah dan rombongannya yang dalam perjalanan ke Rum (Turki) telah bersetuju untuk menetap selama tiga bulan di Mesir sebagai tetamu Ketua Wazir. Ketika berada di Mesir, Hang Tuah dan rombongannya sempat melihat keindahan bandar-bandar dan tempat-tempat yang menarik di Mesir, di samping menziarahi makam para nabi.⁷ Hubungan yang akrab antara rombongan Hang Tuah dengan perwakilan kerajaan Mesir juga dapat dilihat melalui sikap mereka yang begitu memuliakan tetamu dengan menghidangkan pelbagai juadah dan makanan kepada rombongan Hang Tuah ketika mereka berada di Mesir.⁸

Abad ke-16 juga menyaksikan pengaruh Mesir terus wujud di Alam Melayu, khususnya selepas kerajaan Turki Uthmaniyah menguasai Mesir pada tahun 1517.⁹ Pengaruh Mesir jelas tergambar pada pertolongan yang diberikan oleh pemerintah Mesir kepada kerajaan Islam di Alam Melayu untuk menyekat kemaraan kuasa Barat, khususnya Portugis pada abad ke-16 Masihi. Pada tahun 1537, Sultan Turki Uthmaniyah, Sultan Suleiman I (1494-1566) telah mengarahkan gabenornya di Mesir untuk menyediakan satu armada tentera yang kuat untuk memusnahkan penguasaan Portugis di Lautan Hindi.¹⁰ Pada tahun 1538, Gabenor Mesir iaitu Hadim Sulayman Pasha telah menghantar angkatan tentera Mesir kepada Sultan Aceh di bawah pimpinan panglima tentera berbangsa Turki, Hamad Khan.¹¹ Ketika pemerintahan Sultan Selim II (1524-1574), beliau telah mengarahkan 15 buah kapal perang dan dua buah kapal untuk membantu kerajaan Aceh, bahkan telah mengarahkan Gabenor Mesir agar membina terusan di Suez bagi memudahkan kapal perangnya keluar masuk ke Lautan Hindi.¹²

Pengaruh Mesir juga dapat dilihat pada peristiwa pemerintah kerajaan Islam di Alam Melayu yang berusaha untuk menyingkirkan Portugis yang telah menguasai Melaka sejak tahun 1511. Usaha tersebut telah dibantu oleh tentera yang terdiri daripada rakyat Mesir. Pada tahun 1547, kerajaan Aceh telah menghantar angkatan tentera yang besar untuk menyerang Portugis di Melaka, iaitu sejumlah 100,000 orang tentera bersama-sama 70 kapal perang bersaiz besar, termasuklah 500 orang tentera Mesir.¹³

Pengaruh Mesir di Alam Melayu juga dapat dilihat pada pertengahan abad ke-19. Tahun 1840-an menyaksikan Tunku Ibrahim yang menguasai pemerintahan Aceh selepas kemangkatan saudaranya pada tahun 1838 telah meminta seorang saudagar lada hitam yang kaya di Aceh, Muhammad Ghauth agar menghantar utusan kepada Sultan Turki Uthmaniyah agar Aceh dijadikan negeri naungan kerajaan Turki Uthmaniyah, sekali gus dapat menyelamatkan Aceh daripada penguasaan Belanda. Setelah memperoleh dekri daripada Sultan Abdülmecid I (1823-1861), Muhammad Ghauth telah dihantar pulang ke Aceh dengan penuh bergaya hasil syor daripada Khedive Mesir.¹⁴

Menjelang akhir abad ke-19, Mesir dan Tanah Melayu telah dijajah oleh kuasa Barat. Walaupun terdapat perbezaan yang jelas antara masyarakat Mesir dengan masyarakat Melayu dalam pelbagai aspek, namun wujud persamaan antara penjajahan Barat di Mesir dengan Tanah Melayu kerana kedua-duanya pernah dijajah oleh British.¹⁵ Penjajahan British di Tanah Melayu

bermula lebih awal dari Mesir, dan terjadi secara tidak langsung melalui beberapa siri perjanjian yang ditandatangani secara rasmi sejak tahun 1874 oleh pemerintah tempatan bagi mendapatkan perlindungan British. Penjajahan British di Mesir pula terjadi secara langsung melalui penghantaran tentera British untuk membedil Iskandariyyah pada tahun 1882.¹⁶ Dasar campur tangan British di Mesir dijalankan ketika pemerintahan Benjamin Disraeli sebagai Perdana Menteri.¹⁷

Orang Arab Mesir juga turut terlibat dalam pergolakan politik di Negeri Sembilan antara Dato' Kelana, pembesar Sungai Ujong dengan Yamtuan Antah, pembesar Seri Menanti. British yang cuba menggunakan kesempatan tersebut untuk mengukuhkan kedudukan mereka di Negeri Sembilan telah menyebelahi Dato' Kelana dan membekalkan beliau dengan 20 orang tentera upahan Arab, termasuklah dari Mesir.¹⁸ Hubungan antara Mesir dengan Tanah Melayu juga berlaku sekitar tahun 1880-an. Sir Frederick Weld (1823-1891), Gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS) pernah menawarkan 250 tentera Sikh daripada Batalion Pertama Sikh Perak untuk dihantar berkhidmat di Mesir kepada Pejabat Tanah Jajahan di London pada tahun 1885.¹⁹

3.0 HUBUNGAN DALAM ASPEK PERDAGANGAN

Perkembangan sesebuah kerajaan amat bergantung kepada kemajuan dalam bidang ekonomi dan salah satu kegiatan ekonomi utama ialah kegiatan perdagangan. Mesir juga pernah muncul sebagai sebuah pusat perdagangan yang terkenal di Timur Tengah, manakala pedagang Mesir juga pernah menjalinkan hubungan perdagangan dengan masyarakat Melayu. Setakat ini agak sukar untuk ditentukan bila bermulanya hubungan perdagangan antara Mesir dengan masyarakat Melayu. Bukti-bukti awal menunjukkan bahawa hubungan awal antara Mesir dengan masyarakat Melayu terjalin dalam bidang perdagangan. Hubungan perdagangan antara Mesir dengan Kepulauan Melayu telah bermula sebelum Masihi, iaitu sejak zaman pemerintahan Cleopatra (69-30 BCE) lagi.²⁰

Terdapat juga sarjana yang berpendapat hubungan masyarakat Melayu dengan Mesir dalam aspek perdagangan berlangsung jauh lebih awal, iaitu sejak 1,500 tahun sebelum Masihi. Seorang pengembara Inggeris iaitu Sir John Gardner Wilkinson (1797-1875) misalnya berpendapat bahawa tamadun Mesir Purba yang sudah menggunakan bijih timah sejak 1,500 tahun sebelum Masihi berdasarkan peralatan yang mereka gunakan mendapatkan bekalan bijih timah dari Alam Melayu melalui India.²¹ Selain bijih timah, masyarakat Mesir Purba yang menggunakan rempah untuk mengawet mayat juga mendapatkan bekalan rempah-ratus yang dibawa oleh pedagang Mesir dari Alam Melayu menggunakan jalan laut yang melalui Teluk Parsi dan Laut Merah.²²

Pedagang Mesir juga mempunyai hubungan dengan Alam Melayu sejak zaman kemunculan Islam lagi, bahkan bukti sejarah menunjukkan bahawa jaringan perdagangan yang wujud antara pedagang Mesir dengan pedagang India telah berkembang hingga ke Semenanjung Tanah Melayu sejak sebelum Masihi.²³ Kedatangan pedagang Arab termasuklah dari Mesir ke Kepulauan Melayu juga dikaitkan dengan keperluan kepada kapur barus yang merupakan salah satu bahan penting ketika memandikan jenazah. Bau kapur barus yang wangi dan fungsinya yang dapat mengawet dan mengeraskan jasad selain mengelakkan binatang buas merupakan antara faktor yang mendorong pedagang Arab berusaha untuk mendapatkan kapur barus di Kepulauan Melayu.²⁴ Selain itu, pedagang Arab Hadrami juga terlibat dalam aktiviti perdagangan dan

dakwah di Alam Melayu sejak beratus tahun lamanya yang terbentang dari Mesir ke Alam Melayu.²⁵

Terdapat juga sejarawan Barat seperti Titus Flavius Josephus (37-100 BCE) berpendapat bahawa *Ophir of Solomon* iaitu sebuah pelabuhan atau sebuah kawasan yang membekalkan pelbagai barangan termasuklah emas kepada Nabi Sulaiman seperti yang terdapat dalam Bible terletak di *Chersonesus Aurea* yang juga dikenali sebagai Melaka. Melaka yang dimaksudkan di sini merujuk kepada sebuah kawasan di Semenanjung Tanah Melayu yang bertentangan dengan Sumatera.²⁶ Pendapat ini disokong oleh J. F. A. McNair, bekas Leftenan Gabenor Pulau Pinang (1880-1884) yang berpendapat bahawa *Ophir of Solomon* merupakan *Mount Ophir* atau Gunung Ledang yang suatu ketika dahulu termasuk dalam jajahan takluk kerajaan Melaka. Menurut beliau, kapal yang membawa emas tersebut kemungkinan besar pernah singgah di Berenice, sebuah pelabuhan di Laut Merah yang terletak di pantai timur Mesir.²⁷ Malah terdapat bukti yang menunjukkan bahawa kapal dari India yang membawa barangan dari Alam Melayu sering singgah di Pelabuhan Berenice antara abad pertama hingga abad ke-5 Masihi.²⁸ Dari Pelabuhan Berenice yang dibangunkan oleh Ptolemy, barangan tersebut dibawa ke Iskandariyyah, Mesir melalui Coptus dan Sungai Nil, yang jaraknya hampir 300 batu.²⁹

Seorang rakyat Mesir keturunan Greek bernama Ptolemy juga telah memberikan satu daftar yang komprehensif berkenaan pelabuhan dan pusat perdagangan yang wujud di bahagian Timur dan Barat pada abad ke-2 Masihi.³⁰ Catatan Ptolemy telah memperkenalkan Asia Tenggara khususnya Semenanjung Tanah Melayu yang digelar *Golden Khersonese* atau Semenanjung Emas kepada masyarakat Barat.³¹ Kedatangan Ptolemy di Semenanjung Tanah Melayu dan catatan beliau menunjukkan bahawa sudah terdapat rakyat Mesir yang mengunjungi Tanah Melayu sekitar abad ke-2 Masihi. Cosmas Indicopleustes, seorang pelayar Mesir berbangsa Greek yang pernah belayar ke India pada abad ke-6 Masihi dalam tulisannya menyatakan bahawa bangsa Rom pernah menjalinkan hubungan perdagangan dengan Malabar dan Sri Lanka yang terletak jauh dari Mesir.³² Tulisan beliau mengandaikan bahawa kemungkinan besar terdapat barang dagangan dari Alam Melayu yang diperdagangkan di Malabar dan Sri Lanka telah di bawa ke Mesir oleh pedagang Rom, sekali gus menunjukkan bahawa barang dagangan dari Alam Melayu dibawa ke Mesir melalui Malabar dan Sri Lanka.³³

Selain Pelabuhan Hormuz dan Aden, pelabuhan lain yang terkenal di Timur Tengah ialah pelabuhan di Mesir.³⁴ Para pedagang Mesir yang datang dari Kaherah akan membawa pelbagai barang dari Itali, Greek dan Damascus ke Aden, dan barangan tersebut akan dibawa pula ke Cambay untuk ditukarkan dengan pelbagai barangan yang dibawa dari Melaka.³⁵ Barangan yang dibawa dari pelabuhan di India, termasuklah dari Alam Melayu pula akan dipunggah di Pelabuhan Aden seterusnya dieksport pula ke Pelabuhan Iskandariyyah, Mesir.³⁶ Hubungan perdagangan tersebut dapat dibuktikan dengan penemuan Proklamasi Asoka yang menunjukkan bahawa Maharaja Asoka (304-232 BCE) ada menjalinkan hubungan diplomatik dengan Iskandariyyah, sekali gus menyebabkan Iskandariyyah muncul sebagai pasaran utama barangan dari India.³⁷

Perdagangan yang dijalankan oleh pedagang Mesir di kawasan Timur Jauh dan India pula mencapai kegemilangan ketika pemerintahan Dinasti Fatimiyyah (979-1175) dan Ayyubiyyah (1175-1250), termasuklah di Alam Melayu.³⁸ Kemakmuran pelabuhan di Mesir sebagai antara pelabuhan utama di Timur Tengah pula dikaitkan dengan kebijaksanaan pemerintah Dinasti Ayyubiyyah (1174-1252) di Mesir yang membatasi kehadiran pedagang bukan Islam bagi menyekat kemasukan tentera salib yang mahu menyerang Makkah melalui Jeddah. Halangan

terhadap kemasukan pedagang Eropah ini dijalankan di Laut Mediterranean lagi, iaitu di Pelabuhan Iskandariyyah, Mesir.³⁹

Penemuan duit syiling kurun ke-12 di Fustat, Mesir yang dipercayai berasal dari Alam Melayu juga membuktikan bahawa aktiviti perdagangan pernah berlangsung antara kedua-dua wilayah.⁴⁰ Hubungan perdagangan antara Mesir dengan Alam Melayu terus berlangsung pada abad ke-13 dan abad ke-14.⁴¹ Sejak teretusnya Perang Salib, laluan pengangkutan rempah dari Timur Jauh tidak lagi melalui Teluk Parsi dan Baghdad untuk ke pelabuhan sebelah timur di Laut Mediterranean, sebaliknya melalui Laut Merah terus ke selatan Mesir, lalu memasuki Sungai Nil dan terus ke Iskandariyyah.⁴² Sekatan laluan yang bermula sejak serangan tentera Mongol ke atas kerajaan Abbasiyyah pada tahun 1258 juga menyebabkan harga rempah meningkat secara mendadak selepas Dinasti Mamluk di Kaherah mengenakan cukai yang tinggi ketika melalui pelabuhan di Mesir.⁴³

Manuskrip yang terkandung dalam harta karun Geniza (*Cairo Geniza*) yang dijumpai di Kaherah pada abad ke-19 menunjukkan bahawa sudah terdapat hubungan langsung antara Mesir dengan kawasan pantai timur Sumatera iaitu di Fansur antara abad ke-10 hingga abad ke-13 Masihi.⁴⁴ Kegiatan perdagangan ini dijalankan oleh pedagang Yahudi yang berpangkalan di Kaherah dengan pedagang Melayu di Kra (Semenanjung Tanah Melayu) dan Fansur (Sumatera). Bahkan terdapat sebuah surat yang merekodkan kematian dua orang pedagang Yahudi di Kra dan Fansur pada abad ke-13.⁴⁵ Penemuan manuskrip tersebut menunjukkan bahawa perdagangan antara pedagang Mesir berbangsa Yahudi dengan masyarakat Melayu telah terjalin sejak abad ke-10, selain membuktikan peranan yang dimainkan oleh Pelabuhan Iskandariyyah sebagai penghubung kepada kemasukan rempah-ratus penting dari Lautan India ke kawasan Mediterranean.

Ketika Melaka muncul sebagai pelabuhan entrepot yang terkenal, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa Pelabuhan Melaka turut didatangi oleh pedagang-pedagang Arab dari selatan Semenanjung Arab, termasuklah pedagang Arab dari Mesir. Kedatangan pedagang-pedagang Arab ke Melaka telah membentuk satu komuniti pedagang yang besar di Melaka bersama-sama pedagang dari Afrika Timur, Teluk Parsi dan Goa.⁴⁶ Seorang jurumudi kapal Belanda abad ke-17, Eliud Nicolai pernah melaporkan dalam tulisannya bahawa kerajaan Portugis juga berusaha untuk menguasai perdagangan rempah bukan sahaja di India, tetapi juga di Mesir.⁴⁷

Pegawai kolonial Portugal, Alfonso de Albuquerque (1453-1515) pernah menyatakan cita-citanya untuk melencongkan Sungai Nil supaya penduduk Islam Mesir menjadi lemah kerana ketiadaan aktiviti perdagangan.⁴⁸ Dasar Albuquerque yang hanya membenarkan aktiviti perdagangan di Lautan Hindi dipindahkan ke Teluk Parsi bukan sahaja telah menyukarkan pergerakan para pedagang dari Mesir, bahkan telah menyekat hubungan perdagangan antara Mesir dengan Alam Melayu.⁴⁹ Malah tindakan Portugis menawan Melaka pada tahun 1511 juga dikaitkan dengan usaha beliau untuk menyekat kedatangan pedagang Arab termasuklah dari Mesir.⁵⁰ Walaupun berdepan dengan pelbagai sekatan dan halangan, namun sumber dari Venice, Italy melaporkan bahawa pedagang dari Alam Melayu khususnya dari Aceh terus menjalankan kegiatan perdagangan di Kaherah sehingga pertengahan abad ke-16.⁵¹

Terdapat juga beberapa percubaan yang telah dilakukan oleh pemerintah Mesir untuk menamatkan pengaruh Portugis di Lautan Hindi. Sultan Qansuh al-Ghawri (p 1601-1516) misalnya pernah menghantar armada tentera laut yang besar untuk menyekat kemaraan Portugis di Lautan Hindi antara tahun 1506 dan 1507.⁵² Portugis akhirnya berjaya menguasai laluan perdagangan di Lautan Hindi hasil kejayaan tentera Portugis menewaskan angkatan tentera Islam

dalam Perang Diu di India pada tahun 1509.⁵³ Kejayaan Portugis menguasai perdagangan rempah ratus di Alam Melayu bukan sahaja mendapat tentangan daripada penduduk Gujerat di India, tetapi juga mendorong mereka bekerjasama dengan orang Mesir dan Turki bagi mengusir Portugis dari Lautan Hindi.⁵⁴

Kemunculan Singapura sebagai pelabuhan entrepot yang terkenal di Asia Tenggara pada awal abad ke-19 juga menyaksikan pedagang keturunan Arab di Singapura turut menjalankan kegiatan perdagangan dengan orang Arab di Mesir. Kemahiran mereka menguruskan perniagaan juga menyebabkan mereka cukup terkenal di seluruh Timur Tengah termasuklah di Mesir. Kemahiran dan bakat yang dimiliki oleh Sayyid Muhammad bin Ahmad al-Sagoff (1836-1906) dalam menguruskan perniagaan misalnya bukan sahaja membolehkan beliau memiliki pelbagai aset dan harta yang banyak termasuklah mengasaskan Dana Wakaf Muhammad bin Ahmad al-Sagoff, Tabung Amanah Muslim dan Sekolah Arab al-Kaff, bahkan kemahiran beliau menjalankan perniagaan menyebabkan beliau sangat terkenal di Alam Melayu seperti di kepulauan Riau, Maluku dan Sulawesi selain di Timur Tengah, termasuklah di Mesir.⁵⁵

4.0 HUBUNGAN DALAM ASPEK PENDIDIKAN

Kemajuan sesebuah kerajaan amat bergantung kepada perkembangan dalam bidang intelektual, khususnya dalam bidang pendidikan. Menyedari hakikat tersebut, pemerintah Mesir berusaha untuk memajukan bidang pendidikan dengan membangunkan madrasah dan pusat pengajian, sekali gus memberi peluang kepada rakyat Mesir untuk menuntut ilmu. Mesir hanya muncul sebagai pusat pendidikan yang terulung di Timur Tengah sejak akhir abad ke-10 Masihi dengan tertubuhnya Universiti al-Azhar yang merupakan universiti yang tertua di dunia. Kemunculan Universiti al-Azhar menyaksikan kelahiran ramai ulama yang terkenal dalam pelbagai cabang ilmu sekali gus berjaya mengangkat kedudukan Universiti al-Azhar sebagai pusat pengajian ilmu agama yang terkenal termasuklah di Alam Melayu.⁵⁶

Hubungan pendidikan antara Mesir dengan Alam Melayu dapat dilihat pada kedatangan ulama Mesir ke Alam Melayu dan pemergian pelajar Melayu ke Mesir untuk menyambung pengajian, khususnya di Universiti al-Azhar. Kedatangan ulama Mesir di Alam Melayu boleh dilihat pada peristiwa kedatangan seorang ulama di Aceh pada abad ke-16 Masihi. Menurut *Bustan al-Salatin*, pemerintahan Sultan Ali Riayat Shah (1571-1579) menyaksikan kedatangan seorang ulama bernama Muhammad Azhari atau lebih dikenali dengan panggilan Shaykh Nur al-Din yang berasal dari Mesir.⁵⁷ Tahun 1580-an pula menyaksikan kedatangan seorang ulama di Aceh yang merupakan keturunan Ibn Hajar al-Haythami (1504-1567), seorang ulama yang berasal dari Mesir.⁵⁸

Abad ke-18 pula menyaksikan kedatangan seorang lagi ulama yang berasal dari Mesir ke Alam Melayu iaitu Abdul Rahman bin Mustafa al-'Aydarus (m. 1780).⁵⁹ Pada akhir abad ke-19, seorang ulama dari Mesir iaitu Sayyid Shaykh Muhammad al-Azhari pernah mengajar di Tanah Melayu. Beliau juga merupakan salah seorang guru Dato' Seri Amar Diraja Terengganu, Muhammad bin Yusuf (1878-1940).⁶⁰ Pada awal abad ke-20, seorang ulama Mesir yang merupakan *Rais al-Qura'* (Ketua Qari-Qari) Makkah iaitu Shaykh Ahmad al-Hijazi datang menemui Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad atau Tok Kenali yang ketika itu mengajar di Kampung Belukar, Kelantan.⁶¹

Hubungan pendidikan antara Mesir dengan Alam Melayu juga dapat dilihat pada peristiwa pemergian pelajar Melayu ke Mesir untuk menyambung pengajian. Kebanyakan pelajar Melayu yang belajar di Mesir melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Kaherah.⁶² Secara umumnya, Kaherah juga sering dianggap sebagai pusat ilmu pengetahuan dan tamadun.⁶³ Sehingga ke hari ini, Universiti al-Azhar sering dianggap sebagai *Manarah al-'Ilmi* (menara ilmu) dan *Ka'bah al-'Ilmi* (pusat ilmu).⁶⁴ Nama al-Azhar bukan sahaja sentiasa mendapat sanjungan dan penghormatan, bahkan sesetengah pihak menganggap nama Universiti al-Azhar hampir menjadi satu legenda.⁶⁵

Pengaruh Universiti al-Azhar juga boleh dilihat pada pandangan seorang pelajar Melayu bahawa pemergiannya ke Kaherah bukan sahaja memperkenalkannya dengan pengajaran ilmu agama yang sebenar, tetapi juga pelbagai disiplin lain, termasuklah nasionalisme dan latihan ketenteraan.⁶⁶ Kemasyhuran Universiti al-Azhar sebagai pusat pembelajaran agama yang ulung dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia termasuklah di Tanah Melayu menyebabkan seorang sarjana Belanda, Christian Snouck Hurgronje (1857-1936) pernah menggambarkan Universiti al-Azhar sebagai "*the Athens of Syafii learning*".⁶⁷ Bahkan Dr. Homan, seorang sarjana Belanda dalam tulisannya pada tahun 1865 menyatakan bahawa, "*a teacher who studies religion goes to Cairo*".⁶⁸

Universiti al-Azhar bukan sahaja merupakan universiti tertua di dunia kerana ditubuhkan lebih 1000 tahun yang lalu, tetapi alumni universiti tersebut juga berjumlah puluhan ribu orang dari seluruh dunia.⁶⁹ Ulama Universiti al-Azhar juga bebas mengeluarkan pendapat atau fatwa tanpa kongkongan mana-mana pihak.⁷⁰ Ulama dan pelajar Universiti al-Azhar juga memainkan peranan yang penting dalam kegiatan politik Mesir.⁷¹ Universiti al-Azhar juga telah mengasaskan istilah akademik iaitu *Professorial Chair* (Kerusi Profesor) iaitu ulama yang pakar dalam sesuatu bidang ilmu, malah menawarkan peluang pendidikan percuma termasuklah tempat tinggal dan bantuan bulanan kepada para pelajar.⁷² Secara umumnya, pentadbiran Universiti al-Azhar dibiayai dengan harta wakaf yang telah diberikan oleh raja-raja Mesir, malah harta wakaf tersebut juga telah digunakan untuk membina cawangan Universiti al-Azhar di seluruh Mesir.⁷³ Pentadbiran Universiti al-Azhar juga dibantu oleh peruntukan tahunan yang diberikan oleh kerajaan Mesir selain sumbangan dermawan dari Mesir atau luar Mesir.⁷⁴

Universiti al-Azhar telah ditubuhkan pada 22 Jun 969 Masihi oleh Dinasti Fatimiyyah di Mesir, sebelum dikuasai oleh Dinasti Ayyubiyyah pada tahun 1171.⁷⁵ Masjid al-Azhar asalnya dibina di sebuah bukit yang mengadap Sungai Nil dan bandar Kaherah dibina di sekeliling tembok masjid tersebut.⁷⁶ Terdapat dua buah menara di Masjid al-Azhar yang dibina pada abad ke-14 Masihi, serta asrama pelajar atau *riwaq* di halaman masjid yang dibahagikan berdasarkan negara asal pelajar.⁷⁷ Pengajian tinggi di Universiti al-Azhar bermula pada tahun 972 Masihi setelah Ya'qub Ibn Killis (930-991) menyampaikan kuliah berkenaan fiqah pada setiap hari Selasa dan Jumaat kepada 35 orang murid beliau yang pertama. Dua tahun kemudian, peluang untuk menuntut ilmu di Universiti al-Azhar dibuka kepada semua rakyat Mesir.⁷⁸ Gerakan kebangkitan Islam menjelang abad ke-20 juga dikaitkan dengan Universiti al-Azhar, khususnya Muhammad 'Abduh (1849-1905) yang pernah menjadi tenaga pengajar Universiti al-Azhar.⁷⁹

Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sudah berlepas ke Mesir untuk menyambung pengajian sejak abad ke-17 Masihi. Salah seorang ulama Aceh iaitu Saif al-Rijal pernah menggelari dirinya sebagai Saif al-Din Azhari, sekali gus mengandaikan bahawa beliau mempunyai pengalaman belajar di Universiti al-Azhar.⁸⁰ Kewujudan kitab fiqah mazhab Syafii di Asia Tenggara juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu kemungkinan besar sudah

belajar di Mesir sejak abad ke-17 Masihi lagi. Dalam bidang fiqah, Universiti al-Azhar lebih terkenal dengan pengajaran mazhab Maliki dan Syafii, manakala mazhab Syafii pula telah berkembang menjadi mazhab utama yang diikuti oleh penduduk Islam di Asia Tenggara.⁸¹ Terdapat juga bukti yang menunjukkan bahawa kitab-kitab fiqah berkenaan mazhab Syafii juga sudah tersebar di Asia Tenggara sejak abad ke-17 Masihi lagi.⁸² Setelah menamatkan pengajian Universiti al-Azhar, kemungkinan besar pelajar-pelajar Melayu telah membawa pulang kitab tersebut ke tanah air untuk disebar kepada masyarakat tempatan.

Abad ke-18 pula menyaksikan seorang ulama terkenal di Alam Melayu yang berasal dari Patani, selatan Thailand pernah berguru dengan ulama dari Universiti al-Azhar iaitu Shaykh Wan Daud bin Wan Abdullah al-Fatani (1740-1847). Selepas menuntut ilmu di Patani selama lima tahun, Shaykh Daud al-Fatani telah menyambung pengajian di Aceh selama dua tahun sebelum berangkat ke Makkah.⁸³ Di Makkah, beliau peluang untuk berguru dengan beberapa ulama yang berasal dari Mesir atau mempunyai kaitan dengan Mesir khususnya Universiti al-Azhar seperti 'Isa bin Ahmad al-Zubayri al-Syafii al-Qahiri al-Azhari (m. 1768) yang lebih dikenali sebagai al-Barawi, serta Shaykh al-Azhar iaitu Abdullah al-Sharqawi (1737-1812) dan Muhammad bin 'Ali al-Shanwani (m. 1818).⁸⁴ Namun begitu, setakat ini belum terdapat bukti bahawa Shaykh Daud al-Fatani pernah datang ke Mesir, sekali gus mengandaikan bahawa kemungkinan beliau telah berguru dengan mereka ketika mereka melawat Makkah.⁸⁵

Selain Shaykh Daud, rakan seangkatan beliau juga pernah berguru dengan ulama yang berasal dari Mesir atau pernah belajar di Mesir, khususnya Universiti al-Azhar. Abdul Samad bin Abdullah al-Jawi al-Palimbani (1704-1789) misalnya pernah berguru dengan Muhammad Ibn Ahmad al-Jawhari al-Misri (1720-1772), anak seorang ulama hadis terkenal dari Mesir iaitu Ahmad Ibn Hasan Ibn Abdul Karim Ibn Yusuf al-Karimi al-Khalidi al-Jawhari al-Azhari (1685-1767).⁸⁶ Sahabat Abdul Samad al-Palimbani iaitu Muhammad Arshad bin Abdullah al-Banjari (1710-1812) juga pernah berguru dengan seorang lagi ulama hadis lulusan al-Azhar iaitu 'Ataallah bin Ahmad al-Azhari al-Misri al-Makki yang terkenal dengan gelaran 'Ataallah al-Misri.⁸⁷

Keinginan untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan telah mendorong Muhammad Arshad al-Banjari, Abdul Samad al-Palimbani, Abdul Wahab al-Bugisi dan memohon keizinan daripada guru mereka, 'Ataallah Allah al-Misri untuk menuntut ilmu di Kaherah. Walaupun 'Ataallah Allah al-Misri menyarankan agar mereka pulang semula ke kampung halaman kerana ilmu yang mereka ada sudah melayakkan mereka menjadi ulama yang efektif, namun mereka tetap mengambil keputusan untuk melawat Kaherah. Peluang berguru dengan 'Ataallah Allah al-Misri dan melawat Kaherah kemudian mendorong salah seorang sahabat Muhammad Arshad al-Banjari iaitu Abdul Rahman al-Batawi menggunakan gelaran "al-Misri" pada nama mereka.⁸⁸

Walau bagaimanapun, pendapat bahawa masyarakat Melayu telah menyambung pengajian di Universiti al-Azhar sejak awal abad ke-19 mempunyai bukti dan hujah yang lebih kukuh. Maklumat yang terkandung dalam sebuah diari tulisan pengembara Jerman, Ulrich Jasper Seetzen (1767-1811) menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sudah belajar di Mesir sebelum tahun 1807, seawal-awalnya pada akhir abad ke-18 Masihi.⁸⁹ Pada tahun 1848, sudah terdapat keluarga ulama di Palembang yang menggunakan gelaran "Azhari" pada nama mereka, seperti seorang pencetak di Palembang yang bernama Kemas bin Haji Muhammad Azhari.⁹⁰ Sebelum menubuhkan Pondok Kubang Pasu di Kelantan pada awal tahun 1850-an, Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh al-Kelantani (1816-1891) atau Tuan Tabal juga pernah melanjutkan pelajaran di Mesir.⁹¹ Pada akhir tahun 1850-an, hubungan erat juga sudah terjalin antara pelajar Melayu dari Jawa, Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu dengan Universiti al-Azhar, bahkan ramai

dalam kalangan mereka yang menterjemahkan buku dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.⁹²

Tulisan Alfred von Kremer pada tahun 1863 pula menyatakan bahawa *Riwaq al-Jawa* sudah wujud di kawasan sekitar Masjid al-Azhar dan menjadi kawasan penginapan pelajar dari Asia Tenggara, termasuklah dari Alam Melayu.⁹³ Pada tahun 1888, Menteri Pelajaran Mesir iaitu 'Ali Pasha Mubarak (1823-1893) dalam tulisannya ada menyatakan bahawa *Riwaq al-Jawa* bukan sahaja mempunyai seorang shaykh yang dilantik khusus untuk memantau kebajikan dan keselamatan pelajar iaitu Shaykh Ismail Muhammad al-Jawi, tetapi juga mempunyai perpustakaan sendiri untuk kegunaan penghuninya.⁹⁴ Menurut beliau lagi, jumlah roti yang diberikan kepada penghuni *Riwaq al-Jawa* adalah berjumlah 11 keping roti bagi setiap dua hari.⁹⁵ Seorang sarjana Yahudi dari Hungary yang pernah belajar di Universiti al-Azhar iaitu Ignác Goldziher menganggarkan bahawa terdapat hanya enam orang pelajar Melayu pada tahun 1871 dan kesemua mereka telah pulang ke tanah air menjelang tahun 1875.⁹⁶ Selain itu, beberapa ulama dan pakar perundangan Islam di Jawa sekitar tahun 1870-an juga merupakan lulusan Universiti al-Azhar.⁹⁷ Bahkan kurikulum beberapa pesantren (pondok) di Jawa juga mempunyai persamaan dengan kurikulum Universiti al-Azhar, termasuklah menggunakan kitab yang disusun oleh Shaykh Ibrahim al-Bajuri (1784-1860) berjudul *Umm al-Barahin*.⁹⁸

Setakat ini agak sukar untuk menentukan siapakah masyarakat Melayu pertama yang melanjutkan pengajian di Mesir. Rekod yang ada menunjukkan bahawa masyarakat Melayu pertama yang menyambung pengajian di Universiti al-Azhar ialah Shaykh Muhammad Nawawi bin Umar al-Jawi al-Bantani (1813-1897) yang berasal dari Banten, Jawa Barat. Sebelum mengajar secara tetap di Makkah pada tahun 1855, Shaykh Nawawi dipercayai pernah berangkat dari Madinah untuk menuntut ilmu di Syria dan Mesir.⁹⁹ Berdasarkan bukti tersebut, kemungkinan besar beliau sudah menyambung pengajian di Mesir selewat-lewatnya pada tahun 1855, iaitu sebelum beliau menjadi tenaga pengajar di Makkah. Seorang lagi pelajar Melayu yang pernah menuntut ilmu di Mesir ialah Abdul Manan Dipomenggolo dari Pacitan, Jawa Timur yang pernah berguru dengan Shaykh al-Azhar iaitu Shaykh Ibrahim al-Bajuri di Universiti al-Azhar, Mesir.¹⁰⁰ Peluang berguru dengan Shaykh Ibrahim al-Bajuri yang meninggal dunia pada tahun 1860 menunjukkan bahawa Abdul Manan pernah berada di Mesir selewat-lewatnya pada tahun 1860.

Seorang ulama Alam Melayu terkenal yang berasal dari Patani, selatan Thailand iaitu Shaykh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (1856-1906) juga pernah menyambung pengajian di Universiti al-Azhar sekitar tahun 1870-an.¹⁰¹ Selain itu, 'Ali Pasha Mubarak iaitu bekas Menteri Pelajaran Mesir dalam tulisannya yang diterbitkan pada tahun 1888 ada menjelaskan bahawa Shaykh Ismail Muhammad al-Jawi pernah menjadi penyelia *Riwaq al-Jawa*. Oleh yang demikian, kemungkinan besar Shaykh Ismail Muhammad al-Jawi yang berasal dari Alam Melayu berdasarkan gelaran "al-Jawi" pada namanya juga pernah berada di Mesir selewat-lewatnya pada tahun 1888.

Namun begitu, hubungan Mesir dengan masyarakat Melayu dalam bidang pendidikan hanya berlaku secara lebih aktif bermula pada tahun 1890-an.¹⁰² Antara tokoh ulama Melayu lain yang pernah melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar pada tahun 1890-an ialah Shaykh Tahir Jalaluddin (1869-1956) yang menuntut ilmu di Makkah selama 12 tahun sebelum menyambung pengajian di Universiti al-Azhar dari tahun 1894 sehingga tahun 1897.¹⁰³ Semasa berada di Mesir, beliau sempat bersahabat dengan Muhammad Rashid Rida, pengarang majalah *al-Manar*.¹⁰⁴ Haji Saleh Masri (1875-1971) pula merupakan seorang lagi ulama Melayu yang pernah melanjutkan

pelajaran di Universiti al-Azhar pada, dan berangkat ke Mesir pada tahun 1899.¹⁰⁵ Menjelang tahun 1902, terdapat tujuh orang pelajar Melayu sedang belajar di Universiti al-Azhar.¹⁰⁶

Beberapa ulama Tanah Melayu yang pernah belajar di Makkah turut melawat Mesir untuk melihat perkembangan pendidikan Islam di Universiti al-Azhar seperti Tok Kenali, Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani dan Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Ismail yang melawat Mesir pada tahun 1903.¹⁰⁷ Beberapa ulama Melayu juga pernah melawat Mesir dan berjumpa dengan ulama Mesir seperti Sayyid Shaykh al-Hadi (1867-1934) yang pernah melawat Mesir ketika mengiringi anak-anak raja Riau.¹⁰⁸ Ketika berada di Mesir, beliau juga berkesempatan untuk menemui tokoh islah Mesir iaitu Muhammad ‘Abduh dan Rashid Rida.¹⁰⁹ Menjelang tahun 1920-an, kedatangan pelajar Melayu ke Kaherah mula meningkat disebabkan kemampuan ibu bapa menghantar anak mereka melanjutkan pelajaran di Mesir akibat kenaikan harga getah.¹¹⁰

5.0 KESIMPULAN

Mesir mempunyai hubungan dengan masyarakat Melayu, mereka memeluk Islam, dan hubungan awal tersebut dapat dilihat dalam aspek politik, perdagangan dan pendidikan. Hubungan awal antara Mesir dengan masyarakat Melayu dalam aspek politik dapat dilihat pada tindakan pemimpin Alam Melayu yang menggunakan gelaran pemimpin Dinasti Mamluk di Mesir iaitu ‘Malik’ setelah memeluk Islam. Karya Melayu tradisional seperti *Hikayat Hang Tuah* membuktikan bahawa kerajaan Melaka pernah menjalinkan hubungan diplomatik dengan Mesir. Pengaruh Mesir juga dapat dilihat pada tindakan Sultan Turki Uthmaniyah yang mengarahkan Gabenor Mesir menghantar angkatan tentera untuk membantu kerajaan Aceh menentang Portugis di Melaka.

Hubungan awal antara Mesir dengan masyarakat Melayu dalam aspek perdagangan pula wujud sejak sebelum Masihi lagi. Pengislaman masyarakat Melayu pula telah meningkatkan lagi hubungan perdagangan tersebut, khususnya ketika pemerintahan Dinasti Ayyubiyah dan Dinasti Mamluk. Manuskrip yang terkandung dalam harta karun Geniza menunjukkan bahawa rakyat Mesir keturunan Yahudi pernah menjalankan perdagangan di Alam Melayu antara abad ke-10 hingga ke-13 Masihi. Terdapat juga pedagang Mesir yang berdagang di Melaka ketika kegemilangan kerajaan Melaka pada abad ke-16, dan kemasukan barang dagangan dari Alam Melayu ke pelabuhan di Mesir pula banyak dimainkan oleh pelabuhan di India.

Hubungan awal antara Mesir dengan masyarakat Melayu dalam aspek pendidikan dalam dilihat melalui kedatangan beberapa ulama Mesir ke Alam Melayu, khususnya Aceh yang menjadi pusat kegiatan intelektual Islam di Alam Melayu sejak abad ke-16 Masihi. Bukti terkini menunjukkan masyarakat Melayu sudah pergi ke Mesir untuk menyambung pengajian sejak akhir abad ke-17 dan awal abad ke-18 Masihi. Abad ke-19 Masihi pula menyaksikan pertambahan pelajar Melayu yang pergi ke Kaherah untuk melanjutkan pelajaran, malah kewujudan *Riwaq al-Jawa* di Masjid al-Azhar menunjukkan bahawa pelajar Melayu merupakan salah satu komuniti penting di Kaherah. Menjelang akhir abad ke-19, Mesir mula menjadi tumpuan pelajar Melayu untuk menyambung pengajian agama, khususnya setelah menamatkan pengajian di Makkah.

- ¹ Lihat Bruce B. Lawrence, "The Eastward Journey of Muslim Kingship: Islam in South and Southeast Asia", dalam John L. Esposito (ed.), *The Oxford History of Islam*, New York: Oxford University Press, 1999, hlm. 424. Sultan Malik al-Salih mangkat pada tahun 1297.
- ² Lihat Mahayuddin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 20.
- ³ Selepas memeluk Islam, Malik al-Salih telah mengahwini puteri kerajaan Perlak yang sudah menerima Islam lebih awal. Lihat Lukman Thaib, *Acheh's Case: A Historical Study of the National Development for the Independence of Acheh-Sumatra*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2002, hlm. 60.
- ⁴ Lihat S. Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute, 1963, hlm. 11.
